

Refleksi al-quran

Oleh **ABDULLAH BUKHARI
ABDUL RAHIM
AL-HAFIZ**

Pensyarah di Jabatan
Tilawah al-Quran,
Pusat Bahasa, UIAM
dan Timbalan
Presiden Murshid.



“**A**PA agaknya rahsia si ketua? Masalah yang berakar umbi sejak bertahun berjaya diselesaikan dalam masa singkat. Kakitangannya yang dahulu bejat bertukar hebat. Pasti karisma si ketua dan sistem gunanya punyai nilai luar biasa.”

Ini adalah analogi situasi Kota Yathrib sebelum bertukar nama menjadi Madinah. Yathrib seumpama sebuah jabatan yang bermasalah. Prestasinya merudum, kos selenggarakannya juga tidak pernah turun.

Kakitangannya keras kepala dan suka bergaduh. Sebarang arahan pihak atasan tidak pernah diambil peduli. Sudah ramai ketua jabatan dihantar bagi memulihkan prestasinya, namun semuanya berakhir menjadi pesakit jantung kronik akibat tekanan kerja yang parah.

Selepas lama memberi masalah, tiba-tiba seorang ketua jabatan baharu berjaya mengubah keadaan. Masalah yang seakan tiada ubat berjaya dirawat sehingga ke akar umbi. Prestasi dan nilai untungnya naik mendadak mengatasi jabatan lain dalam organisasi itu.

Lantas semua tertanya-tanya apa rahsianya? Apa kaedah dan sistem yang diguna pakai si ketua? Walaupun misi memulihkan Yathrib dianggap misi mustahil, Nabi SAW yang membawa sistem Tuhan berjaya mengubah yang mustahil menjadi nyata.

Ini antara contoh rahmat alami yang menjadi cogan kata pengutusan baginda. Sebagaimana firman Allah maksudnya: “Dan tidaklah Kami utusmu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.” (al-Anbiya’: 107)

Masalah Yathrib banyak tidak terkira. Antara yang paling kritikal adalah masalah penghuninya pekat kebangsaannya. Semangat kebangsaan melampau menjadikan mereka mangsa masalah sendiri.

Kabilah Aus dan Khazraj adalah dua musuh tradisi yang

Hijrah menyerlah kesatuan, rahmat

DIJADIKAN
manusia berbilang
bangsa dan kaum
untuk saling
mengenal. -
GAMBAR HIASAN

sukar bertikam bayang. Jika tidak dapat jasad, bayang pun diinjak dan diludah.

Kemuncaknya sebelum Rasulullah berhijrah ke Yathrib, berlaku satu perang besar yang membakar hangus kedua kabilah tersebut. Bak kata pepatah yang menang jadi arang yang kalah jadi debu. Perang itu dinamakan perang Bu’ath (Bu’ath adalah lokasi berlakunya perang itu di Madinah).

Perjuangan kebangsaan secara melampau banyak sisi gelapnya. Ekstremis bangsa akan cenderung menafikan kewujudan atau keistimewaan bangsa lain. Sejarah lama Yathrib terbukti menunjukkan perjuangan ini seumpama gelojak api yang boleh membaham bila-bila masa sahaja.

RASULULLAH SEBAGAI PENYELAMAT

Lantas setelah Rasulullah datang dengan ubat Islam, masalah ini berjaya diselesaikan dengan ajaib sehingga kedua-dua kabilah besar Arab Madinah berjaya dipayungkan di bawah satu payung bernama Ansar (golongan pembantu).

Allah puji mereka ertinya: “Dan orang terdahulu, yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dalam kalangan orang Muhajirin dan Ansar, serta orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Dia sediakan untuk mereka syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal

PEDOMAN

- Hijrah Rasulullah ke Madinah berjaya menyatupadukan dua kabilah yang bermasalah sekian lama.
- Semangat perkauman melampau boleh mendatangkan masalah dalam sesuatu masyarakat.
- Bangga dengan bangsa sendiri adalah fitrah, namun jangan sampai memperlekehkan bangsa lain.
- Kepelbagaian bangsa dan warna kulit adalah tanda kekuasaan Allah.
- Semangat hijrah Rasulullah ke Madinah perlu dijadikan iktibar bagi menyatupadukan masyarakat berbilang bangsa di negara ini.

di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.” (al-Taubah: 100)

Bangsa dan warna kulit adalah anugerah serta takdir Allah kepada manusia. Oleh itu, rasa benci dan sayang yang diasaskan kepada faktor bangsa sangat tidak logik.

Sepatutnya warna dan bangsa menjadi penghias hubungan manusia dan bukannya sebab kebencian. Pelangi nampak cantik di dada langit kerana kepelbagaian warnanya, bukan kerana satu warna tunggal.

Bahkan panji perjuangan Rasulullah juga jauh merentas

sempadan bangsa. Ini sebabnya baginda berjaya mengubah gaya fikir orang Arab Madinah daripada ‘zero’ kepada hero.

Firman Allah ertinya: “Dan (Dia lah) yang menyatupadukan antara hati mereka (yang beriman itu). Kalaulah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan antara (hati) mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” (al-Anfal: 63)

BAHAYA PERKAUMAN MELAMPAU

Pernah juga api kebangsaan kabilah Aus dan Khazraj cuba dinyalakan kembali oleh Yahudi Madinah yang bernama Syays bin Qays.

Dia mengupah pemuda Yahudi mengapi-apikan permusuhan lama antara orang Ansar terutama kisah perang Bu’ath yang dimenangi kabilah Aus.

Kesannya, tercetus amarah daripada kedua belah pihak. Lantas mereka bagai dirasuk hantu keluar untuk membakar diri di medan perang.

Di tengah kegawatan ini Rasulullah dikejarkan ke tempat kejadian lantas baginda berjaya memadamkan bara kebangsaan jahiliah yang baru berputik dinyalakan si Yahudi (Tafsir al-Tabari ketika mentafsirkan ayat 99 surah al-‘Imran).

Nah! Lihatlah sendiri bagaimana semangat perkauman melampau boleh membawa kepada kemusnahan

jika tidak dikawal. Kesatuan masyarakat Madinah yang baru dibina Rasulullah hampir runtuh kerana ‘pemugaran’ semangat songsang itu.

Pun begitu, tidak boleh dinafikan, bangga dengan bangsa sendiri juga fitrah. Asal sahaja ia tidak membawa kepada sikap memperlekehkan bangsa lain kerana ejekan kepada bangsa dan warna kulit sebenar suatu ejekan secara tidak langsung kepada ciptaan Allah.

Allah menegaskan bangsa dan warna kulit sebagai tanda kuasa-Nya dengan berfirman ertinya: “Dan antara tanda yang membuktikan kekuasaan dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan bagi orang yang berpengetahuan.” (al-Rum: 22)

Semangat hijrah dalam kisah ini amat praktikal untuk kita jadikan sebagai neraca dan penawar untuk menangani isu panas perkauman yang melanda Malaysia beberapa hari ini.

Pada masa yang sama, orang Melayu juga perlu meluaskan skop Ketuanan Melayu menjadi ‘ketuanan Islam’ dengan memberi contoh terbaik berasaskan Islam kepada ‘tetamu’ lain.

Apabila tetamu pelbagai bangsa di Malaysia kenal Islam yang sebenar, insya-Allah semua boleh bernaung di bawah payung Malaysia secara aman. Ketahuilah! Islam itu tidak berbangsa, tetapi Islam juga mengajar kita menghormati tuan rumah.